

Bandar Di Sebelah Atlantik Kanada Diiktiraf Tempat Paling Sesuai Di Dunia Untuk Perniagaan
Bernama
27 Mac, 2014
Oleh Rozinah Abdullah

TORONTO, 27 Mac (Bernama) -- Kanada merupakan pasaran matang paling kompetitif untuk perniagaan, berdasarkan kos pengangkutan laut dan gas asli yang rendah, kos kemudahan yang stabil, kenaikan kos buruh yang terhad dan penurunan nilai dolar Kanada.

Laporan Persaingan Alternatif 2014 KPMG yang dikeluarkan hari ini, memilih Moncton City di New Brunswick sebagai bandar raya paling kompetitif di dunia dalam kalangan 15 bandar Kanada dalam kajian yang melibatkan 107 bandar di dunia.

Dalam kajian dwitahunan itu, daripada 10 negara dan lebih 100 bandar sebagai pilihan menjalankan perniagaan, Mexico mendahului dalam kategori Pasaran Pertumbuhan Tinggi.

Dalam tempoh dua tahun, Kanada hanya mengalami peningkatan 0.7 peratus kos menjalankan perniagaan walaupun berlaku kenaikan caj elektrik, pengangkutan udara dan cukai hartanah. Kos menjalankan perniagaan juga adalah 7.2 peratus lebih rendah daripada yang dikenakan di Amerika Syarikat.

Dolar Kanada yang lemah sedikit dan kos asas berbanding peningkatan kecil pound dan euro, kos pengangkutan yang lebih kompetitif di Amerika Utara dan pertambahan besar dalam kadar utiliti Eropah meningkatkan kedudukan Kanada dalam kajian itu.

Kanada ialah negara paling kukuh dalam subsektor perkhidmatan digital dengan kelebihan kos 17.8 peratus berbanding di US, sebahagiannya disumbangkan oleh insentif besar untuk firma pengeluaran media digital oleh sesetengah penguasa wilayah Kanada.

Kadar cukai korporat Kanada yang rendah tetapi berkesan, seiring dengan kadar di Perancis, United Kingdom dan Belanda, juga merupakan faktor penting.

Empat daripada lima bandar utama yang ditinjau dalam kajian itu di Kanada sebelah Atlantik ialah Moncton City, dengan Indeks Kos 90.1 untuk 2014, diikuti Charlottetown (90.4), Quebec City (90.7) dan Fredericton (90.8).

Rakan Pengurusan Cukai Kanada KPMG Elio Luongo dalam satu kenyataan berkata Kanada bukan saja sebuah negara pasaran matang yang utama dan lokasi persaingan kos, malah menawarkan gaya hidup berkualiti tinggi serta peluang pelaburan menarik untuk organisasi dan pekerja mereka.

"Peniaga mungkin memutuskan untuk memulakan perniagaan di bandar-bandar besar, namun kajian tahun ini menunjukkan banyak bandar wilayah kekal menawarkan opsyen menarik dengan nilai tinggi untuk organisasi yang mahu mengekalkan kos yang rendah sambil memenuhi keperluan pasaran dan pelanggan," kata Rakan Kongsi, Perkhidmatan Nasihat KPMG Benjie Thomas.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1025464>